


# 15,724 pili boma rosak perlu diganti, dibaiki segera

Oleh [Asrol Awang](#) - Februari 19, 2024 @ 5:50pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Sebanyak 15,724 pili boma di seluruh negara mengalami kerosakan yang perlu diganti dan dibaiki segera berdasarkan statistik tahun lalu. - Foto fail NSTP

KUANTAN: Sebanyak 15,724 pili boma di seluruh negara mengalami kerosakan yang perlu diganti dan dibaiki segera berdasarkan statistik tahun lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Nor Hisham Mohammad, berkata antara jenis kerosakan dikesan ialah pili boma diturap dengan tar, tanah dan pasir, selain mengalami kebocoran, batu 'H' dan tiang boma patah serta 'spindle valve' ketat dan tidak berfungsi.

Beliau berkata, jumlah hampir 16,000 pili boma yang rosak itu adalah daripada keseluruhan 422,472 pili boma yang ada di negara ini.

"Setakat ini kita keluarkan arahan untuk memeriksa dan memastikan semua pili boma di negara ini berfungsi dengan baik.

"Pada masa sama, JBPM juga bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk memantau pili bomba apabila membabitkan projek pembinaan jalan.

"Pemantauan itu bagi memastikan tidak berlaku turapan dan pasir masuk ke dalam pili bomba," katanya pada sidang media selepas Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2023 JBPM dan Sijil Perkhidmatan 30 Tahun di Dewan Sri Mahkota Ibu Pejabat JBPM Pahang, di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengarah JBPM Pahang, Datuk Dr Wan Mohammad Zaidi Wan Isa.



Nor Hisham (dua kiri) bersama Wan Mohammad Zaidi (kiri) menyampaikan sijil perkhidmatan 30 tahun kepada Mohd Noridan Yunus (kanan) pada Majlis APC 2023 di Ibu Pejabat JBPM Pahang.- NSTP/Luqman Hakim Zubir

Pada majlis itu, seramai 78 anggota menerima APC, manakala lima anggota pula menerima Sijil Perkhidmatan 30 tahun.

Pada 13 Februari lalu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengarahkan JBPM melakukan operasi besar-besaran serta-merta bagi memeriksa dan memastikan semua pili bomba di negara ini berfungsi dengan baik untuk digunakan ketika kecemasan.

Menterinya, Nga Kor Ming, berkata arahan itu diberikannya kepada Ketua Pengarah JBPM supaya semua 337 Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) seluruh negara memeriksa pili bomba di negara ini.

Berdasarkan statistik itu, ia membabitkan sebanyak 357,130 pili bomba awam manakala 65,342 pili bomba swasta.

Terdahulu, berucap pada majlis itu, Nor Hisham berkata, Unit Integriti JBPM menerima 80 aduan pelbagai kesalahan sepanjang tahun lalu.

Katanya, daripada jumlah itu, sebanyak 52 kes membabitkan salah laku, skandal/seksual dan salah guna kuasa masing-masing tujuh kes, rasuah dan pentadbiran masing-masing empat kes, pengurusan (tiga kes), penyelewengan (dua kes) dan satu kes kewangan.

"Daripada jumlah aduan diterima dan disiasat, sebanyak 35 aduan berasas, 34 aduan tidak berasas, tujuh aduan diklasifikasikan tiada tindakan lanjut (NFA) dan empat aduan masih dalam tindakan.

"Di atas faktor ini, jabatan mengambil serius dan cakna setiap salah laku dan keperibadian sahsiah diri setiap pegawai dalam jabatan.

"Saya menegaskan kepada pegawai yang terbabit dengan salah laku tatatertib yang serius, tidak ada kompromi dan rayuan," katanya.